



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (70)

SIARAN MEDIA

EL NINO 2026: DOF PERKUKUH KESIAPSIAGAAN SEKTOR PERIKANAN NEGARA

PUTRAJAYA, 20 Mei 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia menjangkakan fenomena El Nino yang diramal berlaku antara Mei hingga Oktober 2026 berpotensi memberi kesan terhadap subsektor perikanan tangkapan dan akuakultur negara, khususnya di beberapa kawasan yang mengalami keadaan cuaca lebih panas dan kering daripada biasa.

Berdasarkan analisis data semasa yang mengintegrasikan rekod pengeluaran perikanan, unjuran cuaca dan Indeks Kerpasan Piawai (SPI) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, pengeluaran ikan negara di kawasan terjejas diunjurkan menurun sebanyak 5,355 tan metrik atau 1.4 peratus berbanding keseluruhan pengeluaran tahun 2025.

Subsektor akuakultur dijangka menerima impak paling ketara dengan unjuran penurunan hasil sebanyak 38.6 peratus, susulan peningkatan suhu air, penurunan paras air serta gangguan terhadap parameter kualiti air ternakan. Sementara itu, subsektor perikanan tangkapan turut berdepan cabaran perubahan taburan sumber marin, peningkatan kos operasi serta risiko keselamatan semasa operasi penangkapan di laut.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dato' Haji Adnan Hussain berkata, Jabatan sentiasa berada dalam keadaan siap siaga bagi memastikan kelangsungan sektor perikanan negara dan keterjaminan bekalan protein rakyat terus terpelihara.

"Fenomena El Nino bukan sahaja memberi kesan kepada pengeluaran hasil perikanan, malah turut memberi implikasi kepada pendapatan nelayan dan penternak akuakultur di seluruh negara. Sehubungan itu, Jabatan Perikanan Malaysia telah menggerakkan pelbagai langkah mitigasi dan adaptasi secara proaktif bagi meminimumkan impak terhadap industri serta memastikan keterjaminan makanan negara kekal stabil dan lestari," katanya.

Menurut beliau, antara langkah segera yang sedang diperkukuh termasuk pemantauan lapangan secara berterusan, pengurusan ternakan yang lebih efisien, penggunaan teknologi pengudaraan dan sistem kitaran semula air (RAS), pengukuhan biosekuriti ternakan serta penyesuaian operasi penangkapan ikan berdasarkan maklumat cuaca dan oseanografi semasa.


Selain itu, penggunaan aplikasi MyFSI turut diperkasakan bagi membantu nelayan mendapatkan maklumat cuaca lautan dan mengenal pasti lokasi penumpuan sumber ikan dengan lebih tepat, sekali gus mengurangkan risiko kerugian operasi dan pembaziran bahan api.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

Dalam masa sama, Jabatan Perikanan Malaysia turut memberi tumpuan kepada langkah jangka panjang melalui pelaksanaan Pelan Mitigasi Bencana Subsektor Akuakultur serta Pelan Tindakan Perubahan Iklim Sektor Perikanan 2024-2030 yang menjadi panduan strategik menghadapi cabaran perubahan iklim secara menyeluruh.

Pelan tersebut dirangka selaras dengan aspirasi nasional melalui Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0, Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2025-2030 bagi memperkukuh daya tahan sektor perikanan negara dalam mendepani risiko cuaca ekstrem.

“Jabatan akan terus memperkukuh pendekatan berasaskan teknologi, sains dan amalan pengurusan mampan supaya industri perikanan negara kekal kompetitif, responsif terhadap perubahan iklim serta mampu menjamin bekalan makanan protein kepada rakyat secara berterusan,” katanya lagi.

Dato’ Haji Adnan Hussain turut menegaskan bahawa kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pemain industri dan komuniti nelayan amat penting dalam memastikan sektor perikanan negara terus mampan dan berdaya tahan.

Antara kawasan yang dikenal pasti berada pada tahap waspada berdasarkan analisis SPI semasa termasuk Pulau Langkawi, Chuping, Temerloh dan Mersing yang mencatatkan keadaan lebih kering daripada biasa.

Sehubungan itu, komuniti nelayan dan pengusaha akuakultur disaran sentiasa mendapatkan maklumat terkini cuaca, mematuhi nasihat teknikal jabatan serta melaksanakan langkah kesiapsiagaan bagi mengurangkan risiko kerugian akibat fenomena cuaca ekstrem.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my